



## Siaran Akhbar

### **MCMC ADAKAN SIASATAN AWAM UNTUK KAJI SEMULA STANDARD MANDATORI PANCARAN MEDAN ELEKTROMAGNET (EMF) DARI INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI RADIO – PENENTUAN NO 1. TAHUN 2010 DARI 19 JULAI SEHINGGA 17 SEPTEMBER 2021**

**CYBERJAYA, 19 Julai 2021** --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) akan mengadakan satu Siasatan Awam di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998 untuk mengkaji semula Standard Mandatori untuk Pancaran Medan Elektromagnet (EMF) dari Infrastruktur Komunikasi Radio - Penentuan No. 1 tahun 2010 (MS untuk EMF) bermula dari 19 Julai ini sehingga 17 September depan.

Kajian semula ke atas Standard Mandatori untuk EMF ini adalah penting sejajar dengan kemajuan teknologi komunikasi seperti 5G selain memberi jaminan kepada orang awam bahawa pancaran frekuensi radio EMF dari infrastruktur komunikasi radio di dalam negara adalah selamat serta dikawal selia secara berkesan dan efisien.

Semakan semula ini antara lain akan meliputi proses kemas kini mengenai had pendedahan EMF berpandukan kepada *International Commission on Non-Ionising Radiation Protection (ICNIRP) Guidelines* terkini yang diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Sehubungan itu, MCMC ingin menjemput orang awam untuk terlibat sama dalam Siasatan Awam ini dengan melakukan penyerahan secara bertulis. Penyerahan secara bertulis, dalam salinan *hardcopy* dan elektronik perlulah diserahkan kepada pihak Suruhanjaya selewat-lewatnya menjelang pukul 12.00 tengah hari, 17 September 2021 dan dialamatkan kepada:

**Malaysian Communications and Multimedia Commission  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6  
63000 Cyberjaya  
Selangor Darul Ehsan  
Perhatian: Jabatan Pembangunan Teknologi  
E-mel : [tdd@mcmc.gov.my](mailto:tdd@mcmc.gov.my)  
Faksimili: +603 8688 1000**

Semua penyerahan bertulis yang dihantar dalam tempoh Siasatan Awam akan diberi pertimbangan sewajarnya oleh MCMC dan laporan berkenaan harus diterbitkan dalam tempoh 30 hari selepas berakhirnya Siasatan Awam berkenaan.

Dokumen Siasatan Awam tersebut boleh dilayari di pautan:  
[https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/PI\\_Mandatory\\_Standards\\_EMF-2021.pdf](https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/PI_Mandatory_Standards_EMF-2021.pdf).

## JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia |** Malaysian Communications and Multimedia Commission

MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA

T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi  
Dan Multimedia Malaysia



MCMC\_RASMI



SKMM\_MCMC



MCMCTV